



**KETUA PENGARAH  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)**

ARAS 9, BLOK D7, KOMPLEKS D  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62519 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Tel : +603 - 8886 4000  
Faks : +603 - 8889 2033  
E-mel : hjothman@islam.gov.my  
Laman Web : <http://www.islam.gov.my>



Ruj. Kami : JAKIM.100-6/1 Jld. 3 ( 8 )

Tarikh : 12 Mac 2015

21 Jamadil Awwal 1436H

**YBhg Dato'. Prof. Dr. Rujhan bin Mustafa**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**  
Agensi Kelayakan Malaysia  
Tingkat 14B, Menara PKNS-PJ  
No. 17, Jalan Yong Shook Lin  
46050 Petaling Jaya  
**SELANGOR DARUL EHSAN**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YBhg Dato',

**MAKLUMAT BERKAITAN PENUBUHAN DARUL QURAN, JABATAN  
KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

Adalah saya dengan segala hormat dan takzimnya menarik perhatian YBhg Dato' berhubung perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Darul Quran merupakan salah satu bahagian yang beroperasi di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) untuk melahirkan graduan huffaz yang berkaliber searas dengan aspirasi Kerajaan.

3. Untuk makluman YBhg. Dato', berikut adalah butiran berkaitan sejarah penubuhan Darul Quran Jakim:-

- i) Darul Quran lahir dari ilham dan kehendak Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj. Cadangan ini disuarakan oleh Yang Teramat Mulia Tunku semasa Majlis Perasmian Masjid Negara pada tahun 1965 agar diadakan sebuah Institut Pengajian Tahfiz Al-Quran. Idea ini timbul ekoran daripada Musabaqah Al-Quran yang diadakan semenjak tahun 1960 serta cadangan dari Rektor Universiti Al-Azhar Sheikh Mahmud Syaltut di perasmian Masjid Negara.

- ii) Bermula pada tahun 1966, Institut Tahfiz dan Latihan al-Quran (Maahad Tahfiz) ditubuhkan sebagai salah satu unit di Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri. Pada 25 April 1983 Institut Tahfiz dan Latihan al-Quran (Maahad Tahfiz) telah mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan pada tahun 1997, Institut Tahfiz dan Latihan Al-Quran (Maahad Tahfiz) telah dinaikkan taraf sebagai salah satu bahagian di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan diberi nama Darul Quran.

4. Sehubungan dengan itu, berpandukan kepada maklumat yang disertakan ini, jabatan ini berharap ianya membantu pihak YBhg Dato' dalam memastikan proses untuk mendapat akreditasi berjalan dengan lancar.

5. Kerjasama dan keprihatinan pihak YBhg. Dato' dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, *wassalam*.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“PERPADUAN NADI TRANSFORMASI NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA)**

sk.

Pengarah Darul Quran  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia  
Jalan Hamzah, Ampang Pecah  
44000 Kuala Kubu Bharu  
Selangor Darul Ehsan